

Rujukan : Bil (2) dlm. PERDA :
IKTP 12/1 jld. 24

Tarikh : **28 OKTOBER 2022**

Ketua Jabatan Teknologi Pembuatan

Ketua Jabatan Kejuruteraan Pertanian

Ketua Jabatan Senireka Fesyen

Ketua Jabatan Multimedia Kreatif

Para Pelajar Program Sijil & Diploma MQA

Tuan/puan,

PELEPASAN PELAJAR INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA UNTUK PULANG MEGUNDI BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum Pilihan Raya Umum Ke-15, telah ditetapkan pada 19 November 2022 (Sabtu). Di dalam usaha untuk memberikan semua peluang dan hak layak mengundi kepada pelajar-pelajar di atas penguatkuasaan Undi 18, Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) dengan ini memberi pelepasan kepada pelajar-pelajar untuk pulang mengundi.

3. Tarikh pelepasan adalah pada 17 November 2022 (Khamis), selepas dari jam 5.00 petang dan di sambung dengan cuti pertengahan semester sehingga 27 November 2022 (Ahad). Pelajar-pelajar dikehendaki untuk masuk semula ke asrama pada 27 November 2022 (Ahad) , sebelum jam 7.00 petang.

4. Sila ambil maklum bahawa kesemua kelas dan aktiviti pelajar dalam tempoh pelepasan pada 18 November 2022 (Jumaat), hendaklah ditangguhkan dan di gantikan pada suatu tarikh yang lain.

...2/-

MEREALISASIKAN HARAPAN RAKYAT



5. Kerjasama, tuan/puan untuk mengambil tindakan sewajarnya berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



.....

(ZOLKHIFLI BIN MOHAMED)
Institut Kemahiran Tinggi PERDA
b/p Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
Kementerian Pembangunan Luar Bandar